

1

Lambang kebesaran adalah identiti sesebuah kerajaan dan menjadi simbol kedaulatan sultan yang memerintah.

Antara berikut, yang manakah lambang kebesaran sultan Melaka ?

- A Wilayah pengaruh
- B Agama Islam
- C Cap mohor
- D Bendera

2 Pembesar Berempat dalam Kesultanan Melayu Melaka memperoleh kawasan pegangan bagi mentadbir wilayah, sungai atau pulau. Bagaimanakah mereka memperoleh kawasan tersebut?

- A Menggunakan konsep naungan
- B Memperoleh sokongan rakyat
- C Melakukan penaklukan
- D Mendapat kurnia sultan

3 Bagaimanakah tokoh berikut menghalang penjajahan kuasa Barat di Thailand?



Raja Mongkut

Raja Chulalongkorn

- A Membenarkan kebebasan berpolitik
- B Menghalang kemasukkan imigran
- C Melaksanakan dasar terbuka
- D Memajukan sektor pertanian

- 4 Maklumat berikut berkaitan dengan tokoh nasionalisme tempatan pada penghujung abad ke 19 dan awal abad ke 20.

- Mat Salleh
- Tok Janggut
- Haji Abdul Rahman

Limbong

Apakah ciri perjuangan tokoh berikut?

- A Mempunyai penulisan kreatif
 - B Perjuangan yang radikal
 - C Bersifat setempat
 - D Berorganisasi
- 5 Maklumat berikut adalah slogan yang digunakan oleh Jepun.

- Semangat Asia
- Asia untuk Orang Asia

Apakah tujuan Jepun menggunakan slogan tersebut semasa kempen menakluk Asia ?

- I Menanam semangat antipenjajah Barat
 - II Menonjolkan imej Jepun sebagai pembela
 - III Melumpuhkan moral tentera kuasa Eropah
 - IV Membangkitkan kemarahan rakyat Asia
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 6 Gambar berikut merupakan individu yang berperanan penting dalam kegiatan anti-Jepun.



Gurchan Singh

Gurchan Singh

Apakah peranan yang dimainkan oleh beliau?

- A Memberi bantuan perubatan
- B Memimpin kumpulan pemberontak
- C Menyebarkan propaganda penentangan
- D Mengetuai operasi peninjauan

7 UMNO ditubuhkan pada 11 Mei 1946 melalui Kongres Melayu yang diadakan di Johor Bahru, Johor.

Apakah matlamat pertubuhan tersebut?

- A Menerajui pemerintahan negara
- B Memajukan Tanah Melayu
- C Menyingkirkan warga asing
- D Menentang Malayan Union

8 Rukun 13 ditubuhkan sebagai salah satu bentuk penentangan terhadap penyerahan Sarawak. Apakah nilai yang boleh diambil dari perjuangan anggota Rukun 13?

- A Baik hati
- B Sanggup berkorban
- C Kasih sayang
- D Hormat menghormati

9 Persekutuan Tanah Melayu ditubuhkan secara rasmi pada 1 Februari 1948. Apakah faktor yang mendorong penubuhan tersebut?

- A Agihan ekonomi yang adil untuk semua kaum
- B Pemilikan kuasa mutlak oleh raja-raja Melayu
- C Penamatan pentadbiran British di Tanah Melayu
- D Bantahan orang Melayu terhadap Malayan Union

10 Apakah kesan pelaksanaan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948?

- I Pemantapan kerjasama kaum
 - II Pengekalan kuasa penjajah British
 - III Perluasan pengaruh golongan radikal
 - IV Pengiktirafan hak istimewa orang Melayu
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

11 Antara berikut manakah yang **benar** mengenai cara kemasukan ideologi komunis ke Tanah Melayu?

	Cara kemasukan	Keterangan
A	Kemasukan pengaruh komunis dari China	Tidak mendapat sambutan orang Melayu
B	Kemasukan pengaruh komunis dari Indonesia	Menyusup masuk melalui kesatuan sekerja dan sekolah Cina
C	Penubuhan Parti Komunis Malaya	Meluaskan pengaruh melalui MPAJA

D	Kemasukan pengaruh komunis dari Indonesia	Disebarkan melalui penubuhan Parti Komunis Nanyang
----------	---	--

12 Apakah implikasi peristiwa berikut terhadap ekonomi negara kita pada ketika itu?

Tahun	Peristiwa
1948 - 1960	Darurat

- I Perkembangan ekonomi terjejas
- II Hubungan antara kaum renggang
- III Kemerdekaan semakin sukar dicapai
- IV Meningkatkan kos perbelanjaan pihak British
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

13 Sistem Ahli dilaksanakan pada bulan April 1951. Mengapakah Sistem Ahli diperkenalkan oleh British di Tanah Melayu?


- A Memastikan kelangsungan pentadbiran British di Tanah Melayu
- B Melatih penduduk tempatan untuk mentadbir Tanah Melayu
- C Menjaga penguasaan ekonomi British di Tanah Melayu
- D Meningkatkan golongan imigran sebagai warganegara.

14 Jawatankuasa Pelajaran ditubuhkan pada tahun 1956 untuk mengkaji semula sistem pendidikan sedia ada. Bagaimanakah jawatankuasa ini dilihat mampu memupuk intergrasi dalam kalangan rakyat?

- A Bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar utama
- B Memperkasakan pendidikan peringkat rendah
- C Sekolah Jenis Umum menggunakan Bahasa Melayu
- D Buku teks berlatarbelakangkan tempatan

- 15 Apakah tujuan Pilihan Raya Majlis Perundangan Persekutuan 1955 dilaksanakan?
- A Melantik ketua menteri
 - B Mengatasi ancaman komunis
 - C Desakan dari penduduk tempatan
 - D Langkah awal ke arah berkerajaan sendiri
- 16 Keanggotaan Majlis Perundangan Persekutuan (MPP) menyaksikan berlaku perkembangan amalan demokrasi di negara kita.
Apakah bukti amalan demokrasi diamalkan pada masa kini?
- A Pemimpin dipilih oleh rakyat
 - B Pemansuhan kuasa British
 - C Pelantikan Ketua Menteri
 - D Pengekalan kuasa sultan
- 17 Apakah persamaan sumbangan tokoh-tokoh berikut?
- | |
|--|
| <ul style="list-style-type: none">● H.S. Lee● Dato' Panglima Bukit Gantang● Encik Abdul Aziz Abdul |
|--|
- Majid
- A Menubuhkan sistem Jemaah Menteri
 - B Menyertai misi rundingan kemerdekaan
 - C Menganjurkan Konvensyen Kebangsaan
 - D Memenangi pilihan raya Majlis Perbandaran
- 18 Antara inti pati Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957 ialah pengamalan sistem raja berperlembagaan dan demokrasi berparlimen.
Apakah bukti pengamalan sistem tersebut dalam negara kita pada hari ini?
- A Yang di-Pertuan Agong dilantik dalam tempoh lima tahun sekali
 - B Yang di-Pertuan Agong tidak boleh dipecat atas apa-apa perlakuan
 - C Yang di-Pertuan Agong merupakan ketua kerajaan yang memerintah
 - D Yang di-Pertuan Agong bertindak dengan budi bicaranya tanpa penasihat

19 Jawatankuasa berikut ditubuhkan sebagai persediaan menyambut pemasyhuran kemerdekaan Tanah Melayu




Mengapakah Jawatankuasa persediaan fizikal tersebut penting?

- A Menonjolkan identiti negara
- B Mematuhi prinsip kenegaraan
- C Mempertahankan warisan bangsa
- D Mendukung perlembagaan negara

20 Sistem pemerintahan demokrasi memberi peluang rakyat untuk membentuk kerajaan. Bagaimanakah peluang tersebut dapat dicapai?

- A Melantik Yang di-Pertuan Agong
- B Meminda fasal dalam perlembagaan
- C Mengundi wakil untuk Dewan Negara
- D Memilih perwakilan melalui pilihan raya

21 Berikut merupakan ciri-ciri negara berdaulat.



Apakah X?

- A Mempunyai rakyat
- B Mempunyai lambang
- C Mempunyai kedaulatan
- D Mempunyai wilayah pengaruh

22 Berikut merupakan langkah mempertahankan kedaulatan negara.

Mengukuhkan pertahanan negara

Apakah peranan kerajaan untuk mempertahankan negara dari ancaman musuh?

- I Meningkatkan imej negara
 - II Memodenkan aset ketenteraan
 - III Mengadakan perjanjian pertahanan
 - IV Mengelakkan hubungan dengan pihak luar
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

23 Sebelum kedatangan kuasa Barat, undang-undang dan adat Melayu memainkan peranan penting dalam kehidupan Masyarakat di negara kita.

Apakah kepentingan undang-undang dan adat Melayu tersebut?

- A Menjadi panduan raja dalam pemerintahan
- B Mengekang penguasaan kuasa asing
- C Menjamin kebebasan asasi rakyat
- D Melindungi penduduk asal

24 Mengapakah berlaku pindaan Perlembagaan Persekutuan pada tahun 1963?

- A Pemisahan Singapura
- B Pembentukan Malaysia

- C Mengukuhkan sistem beraja
 D Menjalankan pilihan raya umum
- 25 Apakah kuasa eksekutif Yang di-Pertuan Agong sebagaimana yang diperuntukan dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia?
- A Melantik Perdana menteri
 B Mengisytiharkan darurat
 C Memanggil parlimen bersidang
 D Memperkenankan Rang Undang-Undang
- 26 Mengapakah mekanisme semak dan imbang penting dalam amalan sistem Demokrasi Berparlimen di negara kita?
- A Melantik ketua kerajaan
 B Mengukuhkan kedudukan raja
 C Memperkenankan pembubaran DUN
 D Meredakan pertikaian parti-parti politik
- 27 Rajah berikut menunjukkan tiga peringkat pentadbiran kerajaan Malaysia.



Manakah antara berikut merupakan bidang kuasa kerajaan Persekutuan?

- I Tanah
 II Pelajaran
 III Pertahanan
 IV Hari kelepasan negeri
- A I dan II
 B I dan IV
 C II dan III

D III dan IV

28 Bagaimanakah penyelarasan antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri dilakukan?

- A** Mesyuarat Majlis Perundangan Persekutuan
- B** Mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri
- C** Mesyuarat Majlis Jemaah Menteri
- D** Mesyuarat Majlis Raja-raja

29 Maklumat berikut berkaitan dengan idea gagasan Malaysia.

Konsep Melayu Raya diperjuangkan oleh nasionalis Tanah Melayu.
Idea ini untuk menggabungkan Tanah Melayu dengan Indonesia.


Mengapakah konsep tersebut tidak dapat dilaksanakan?

- A** Konfrontasi Indonesia
- B** Pendudukan Jepun di Tanah Melayu
- C** Kemerdekaan Indonesia diisytiharkan
- D** Ancaman Parti Komunis Indonesia

30 Antara yang berikut manakah berkaitan inti pati Perjanjian Malaysia?

- I** Tarikh pembentukan Malaysia adalah 16 September 1963
 - II** Pembahagian kerusi parlimen bagi semua wilayah adalah sama
 - III** Sabah dan Sarawak diberi kelebihan menubuhkan kabinet negeri
 - IV** British mengiktiraf kedaulatan Sabah, Sarawak dan Singapura dalam Malaysia
- A** I dan II
 - B** I dan IV
 - C** II dan III
 - D** III dan IV

31 Soalan berikut merujuk pernyataan di bawah.



Apakah peristiwa yang menyebabkan keadaan tersebut berlaku?


- A Rusuhan kaum
 - B Kematian Ketua Menteri
 - C Krisis perlembagaan Sarawak
 - D Pilihanraya Dewan Undangan Negeri
- 32 Peristiwa rusuhan antara kaum berlaku pada 13 Mei 1969.
Apakah langkah yang diambil oleh kerajaan bagi menangani peristiwa tersebut?
- A Penubuhan MAGERAN
 - B Pelaksanaan referendum
 - C Pembentukan Jawatankuasa Antara Kaum
 - D Pengenalan Jawatankuasa Setiakawan Malaysia
- 33 Antara berikut, yang manakah merupakan syor-syor penambahbaikan melalui Kajian Aminuddin Baki?

- I Kurikulum yang sama
 - II Penggunaan bahasa seragam
 - III Sistem persekolahan aneka jurusan
 - IV Kursus kemahiran untuk melahirkan tenaga kerja mahir
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

34 Bagaimanakah Dasar Kebudayaan Kebangsaan dijemakan bagi mewujudkan perpaduan dan mengekalkan identiti sebagai warganegara Malaysia?

- A Sambutan Hari Kebangsaan
- B Program Citrawarna Malaysia
- C Penganjuran Sukan Malaysia
- D Sambutan perayaan rakyat

35 Maklumat berikut berkaitan dengan strategi Dasar Ekonomi Baru (DEB).



Apakah X?

- A Meningkatkan intergrasi nasional
- B Melahirkan usahawan bumiputera
- C Menyusun semula masyarakat
- D Meningkatkan modal saham

36 Pelaksanaan DEB dan DPN mewujudkan pelbagai bentuk kawasan Perindustrian.

- Estet Perindustrian
- Taman Teknologi Perindustrian
- Zon Perindustrian Bebas

Apakah peranan kawasan tersebut?

- A Memajukan industri kecil dan sederhana
- B Meningkatkan hasil keluaran kilang
- C Membangunkan bandar moden
- D Menarik kemasukan pelaburan

37 Apakah ciri persamaan tokoh-tokoh berikut?




Tan Sri Razali Ismail



Tan Sri Dr. Jemilah Mahmood

- A Memperkenalkan Bank Pembangunan Islam
 - B Mencadangkan konsep ZOPFAN
 - C Menentang dasar Apartied
 - D Mendapat pengiktirafan PBB
- 38 Malaysia menentang dasar Aparteid yang diamalkan oleh Afrika Selatan. Mengapakah Malaysia bertindak sedemikian?
- A Menghentikan perang saudara
 - B Menolak pencerobohan wilayah
 - C Menghapuskan dominasi ekonomi
 - D Memperjuangkan hak asasi manusia
- 39 Peta berikut menunjukkan kawasan yang terlibat dalam Kerjasama Pembangunan Ekonomi Segi Tiga.



Lingkungan kawasan SIJORI-GT

Apakah manfaat yang diperoleh Malaysia melalui kerjasama tersebut?

- A Mengelakkan pembayaran cukai
- B Mengurangkan monopoli negara maju
- C Menurunkan harga barangan tempatan
- D Mengawal laluan perdagangan antarabangsa

40 Antara berikut, yang manakah merupakan sumbangan Malaysia dalam mengekalkan kelestarian global?

- I Membangkitkan isu Antartika
 - II Mengisytiharkan Deklarasi Langkawi
 - III Menganjurkan Sidang Kemuncak Bumi
 - IV Melancarkan Zon Aman, Bebas dan Berkecuali
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

KERTAS SOALAN TAMAT

SULIT

Nama Sekolah

Logo Sekolah

Nama Calon

Nama Kelas

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM TAHUN 2024
SEJARAH**

1249/1

Kertas 1

September

1 jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu **A, B, C** dan **D**. Bagi setiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Jika anda hendak menukarkan jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baharu.*

Kertas soalan ini mengandungi 16 halaman bercetak dan 0 halaman tidak bercetak

[Lihat halaman sebelah]

